




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

---

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **132 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,855 kes**. Empat (4) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Daerah Tawau, satu (1) kes di daerah Putatan dan satu (1) kes di daerah Sandakan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Pada hari ini, seramai **174** pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh **48,535** orang. Sejumlah 1,424 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 517 orang di hospital, 904 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tiga (3) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 64 orang dan 21 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kuala Penyu berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pada hari ini, **dua (2)** kluster baharu dilaporkan:

- i **Kluster Jalan Tiga KKIP Kota Kinabalu** mencatatkan enam (6) kes positif COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 21 kes. Kes indeks merupakan seorang pekerja kilang pemrosesan ayam yang melakukan saringan bergejala di Klinik Kesihatan Telipok. Individu itu dikesan positif COVID-19 melalui RTK Antigen pada 03 Februari 2021. Saringan kontak rapat dan tempat kerja masih diteruskan.
- ii. **Kluster Lorong Bersatu Damai, Kota Kinabalu** merekodkan 10 kes baharu sekaligus menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 11 kes. Kes indeks dikesan hasil saringan prosedur pesakit di wad salah sebuah hospital pada 04 Februari 2021. Saringan kontak rapat masih giat dijalankan bagi mengesan penularan jangkitan COVID-19.

- 5 Daripada 132 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 57 kes (43.1%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 15 kes (11.4%), saringan kluster baharu dan sedia ada 24 kes (18.2%), kluster PERKESO satu (1) kes (0.8%) dan 35 kes (26.5%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,078 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,111 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 23.30%.

## **B PEMBUKAAN RUMAH IBADAT**

- 1 Bagi memudahkan umat Islam melaksanakan ibadah dalam tempoh PKP, Kerajaan Negeri bersetuju membenarkan solat berjemaah lima waktu tidak melebihi **15 orang dalam satu waktu** dan **solat Jumaat tidak melebihi 45 orang** serta aktiviti-aktiviti keagamaan di masjid dan surau di seluruh zon Negeri Sabah.
- 2 Kerajaan Negeri juga bersetuju membenarkan aktiviti keagamaan di rumah-rumah ibadat yang lain dengan **kapasiti 1/3 keluasan** tempat ibadat **atau tidak melebihi 45 orang** dalam satu masa. Kebenaran berkuat kuasa pada **12 Februari 2021 (Jumaat)**.

## **C KEBENARAN DINE-IN**

Selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan yang membenarkan *dine-in* berkuatkuasa hari ini, Kerajaan Negeri juga bersetuju membenarkan *dine-in* untuk dua orang dalam satu meja. Manakala, **warga tua dan kanak-kanak adalah tidak digalakkan**.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga 10 Februari 2021, sejumlah **18,443** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS**

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 48 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 39,554 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 59 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 51 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 78 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 169 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 56 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, empat (4) tangkapan dibuat oleh APMM di bawah Enekmen Lembaga Pelabuhan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu Daerah Kota Kinabalu, Keningau, Semporna dan Tawau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 115 lokasi melibatkan 15 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa Etnik Sabah.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak **524** hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.75%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| <b>BIL</b> | <b>DAERAH</b> | <b>PERATUS</b> |
|------------|---------------|----------------|
| 1          | Tenom         | 94%            |
| 2          | Beluran       | 94%            |
| 3          | Semporna      | 93%            |
| 4          | Kunak         | 93%            |
| 5          | Kota Belud    | 93%            |
| 6          | Kinabatangan  | 93%            |
| 7          | Beaufort      | 93%            |
| 8          | Kota Marudu   | 93%            |
| 9          | Keningau      | 93%            |
| 10         | Sandakan      | 93%            |
| 11         | Sipitang      | 93%            |
| 12         | Lahad Datu    | 93%            |
| 13         | Tuaran        | 92%            |
| 14         | Kota Kinabalu | 92%            |
| 15         | Kudat         | 92%            |
| 16         | Tawau         | 92%            |
| 17         | Papar         | 92%            |
| 18         | Ranau         | 92%            |
| 19         | Penampang     | 92%            |

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

**#kitajagakita #normabaharu**

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
10 Februari 2021**